

## Keberkesanan Teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi*: Suatu Perbandingan

Norsyida Md Zin<sup>1</sup>

Sedek Ariffin<sup>2</sup>

Norhidayah Yusoff<sup>3</sup>

### Abstrak

Dewasa ini memperlihatkan kepelbagaiannya teknik belajar membaca al-Qur'an diperkenalkan dan ada di antaranya telahpun digunakan dalam sistem pendidikan al-Qur'an di Malaysia. Kebanyakannya bertujuan mempermudahkan serta memahirkan setiap individu Muslim untuk membaca al-Qur'an dalam tempoh masa yang singkat. Sehubungan itu, makalah ini membandingkan teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* dengan tujuan melihat pilihan yang lebih berkesan untuk diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran asas bacaan al-Qur'an di samping mengenal pasti teknik belajar al-Qur'an yang sesuai digunakan di peringkat kanak-kanak terutamanya dalam kelompok yang besar. Seramai 30 orang pelajar dari SK Segambut, Kuala Lumpur dan 30 orang pelajar dari *Al-Baghdadi* Training Centre, Setiawangsa, Kuala Lumpur dipilih secara rawak mudah bagi mewakili teknik pengajian masing-masing. Alat ukur yang digunakan adalah ujian bacaan al-Qur'an. Data-data yang diperolehi dikumpulkan dan dianalisis menerusi metode statistik deskriptif yang merangkumi kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan ujian  $-t$ . Dapatkan kajian menunjukkan responden teknik *Al-Baghdadi* mempunyai tahap keupayaan yang lebih tinggi dari aspek menyebut huruf *Hijā'iyah* dan tanda baris, membaca perkataan dan ayat al-Qur'an serta berkeupayaan menguasai hukum tajwid berbanding responden teknik *Iqra'*. Diharap hasil kajian ini menimbulkan idea penambahbaikan ke arah pemantapan pembacaan al-Qur'an yang lebih jitu dan berkesan, sekaligus membasmi permasalahan ketidakmampuan menguasai bacaan al-Qur'an sejak peringkat kanak-kanak lagi.

**Kata kunci:** teknik belajar al-Qur'an, teknik *Iqra'*, teknik *Al-Baghdadi*, keberkesanan, perbandingan

<sup>1</sup> Norsyida Md Zin, merupakan calon Sarjana Usuluddin di Jabatan Al-Qur'an Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>2</sup> Sedek Ariffin, PhD, merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Al-Qur'an Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mel: sedek2001@um.edu.my.

<sup>3</sup> Norhidayah Yusoff, merupakan pembantu penyelidik di Jabatan Al-Qur'an Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

## ***The Effectiveness of Iqra' and Al-Baghdadi Techniques: a Comparison***

### **Abstract**

*Nowadays, various techniques on how to recite al-Qur'an are being introduced and several have implemented in the al-Qur'an education system in Malaysia. Most of the techniques aim to assist and empower Muslims to recite al-Qur'an within a short period. With regard to this, this article compares two techniques which are Iqra' and Al-Baghdadi with the aim to identify the most effective technique to be applied in the process of basic learning of al-Qur'an recitation as well as the most suitable technique of learning al-Qur'an intended to children in a larger group. 30 students of Sekolah Kebangsaan Segambut, Kuala Lumpur and 30 students of Al-Baghdadi Training Centre, Setiawangsa, Kuala Lumpur were randomly selected to examine the technique used in their institution respectively. Research method used is al-Qur'an recitation test. The data collected was analyzed using descriptive statistics which include frequency, percentage, mean, standard deviation and t-test. This article finds that the respondents who applied the technique of Al-Baghdadi demonstrated higher ability in terms of pronouncing Hijā'iyyah letters and recitation signs and symbols, reading words and verses of al-Qur'an and were capable of mastering tajwid, as opposed to those of Iqra' technique. Thus, it is hope that this finding may inspire ideas in improving the teaching and learning of al-Qur'an, as well as in solving the problems and barriers in learning al-Qur'an.*

**Keywords:** *technique of leaning al-Qur'an, Iqra' technique, Al-Baghdadi technique, effectiveness, comparison*

### **Pendahuluan**

Isu dan permasalahan membaca al-Qur'an yang meliputi aspek kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran *faṣāḥah*, tilawah bertajwid dan bacaan secara *tartīl*, *tahsīn* dan *tadwīr* dalam kalangan pelajar Islam masih berlaku samada di peringkat sekolah rendah, menengah atau di Institusi Pengajaran Tinggi.<sup>4</sup> Bahkan ada di antara mereka yang langsung buta al-Qur'an.<sup>5</sup> Rentetan dari

<sup>4</sup> Azarudin Awang, Azman Che Mat, Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub, "Tahap Pembacaan al-Quran dalam Kalangan Pelajar di UiTM Terengganu," *Asean Journal of Teaching & Learning in Higher Education* 3, no.3 (2011): 84.

<sup>5</sup> Mohd Aderi Che Noh, "Hubungan Antara Amalan Pengajaran Guru dan Pencapaian Tilawah al-Qur'an Pelajar Tingkatan Dua di Malaysia" (tesis kedoktoran, Universiti Putra Malaysia, Kuala Lumpur, 2008), 47.

permasalahan ini, banyak kajian telah dijalankan untuk mengetahui sejauh mana kemampuan pelajar-pelajar Muslim di semua peringkat pengajian khususnya di Malaysia mampu menguasai kemahiran bacaan al-Qur'an dengan baik dalam semua aspek bacaan.

Antaranya adalah menerusi kajian Mohamad Naim Mat Salleh mendapati hanya 10.9% murid yang boleh membaca al-Qur'an manakala 89.1% lainnya tidak boleh membaca al-Qur'an.<sup>6</sup> Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Saidi bin Mohd yang menunjukkan 0.6% responden kajiannya berada pada tahap lemah dan 38.1% responden berada di tahap sangat lemah dalam aspek penilaian bacaan al-Qur'an mereka.<sup>7</sup> Bertitik-tolak dari beberapa kajian yang telah dijalankan, penulis berpendapat adalah amat perlu untuk diberi perhatian yang penting terhadap teknik asas belajar membaca al-Qur'an di peringkat kanak-kanak lagi. Penulis turut berpendapat sekiranya teknik asas bacaan al-Qur'an yang diberikan telah mantap di usia kecil lagi, pastinya itu dan permasalahan terhadap ketidakmampuan membaca al-Qur'an dapat diatasi.

Fokus utama di dalam kajian ini adalah kepada teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdaadi* yang telah digunakan dan berkembang dengan pesat di dalam sistem pendidikan bacaan al-Qur'an di Malaysia masa kini. Pemilihan kedua-dua teknik di dalam kajian ini adalah kerana teknik *Iqra'* merupakan teknik mengajar al-Qur'anyang secara rasminya digunakan di dalam sukatan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan terkini Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di semua sekolah-sekolah rendah di seluruh Malaysia manakala teknik *Al-Baghdaadi* pula merupakan teknik membaca al-Qur'an alternatif dan terbaru yang kini sudah pun mempunyai hampir 300,000 pelajar serta memiliki 471 cawangan Al-Baghdaadi Learning Centre (ALC) di seluruh negara.

<sup>6</sup> Mohd. Naim Mat Salleh, "Pencapaian Tilawah al-Quran Melalui Program j-QAF Bagi Murid-murid Sekolah Rendah Daerah Setiu, Terengganu" (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Perguruan Kuala Terengganu, Terengganu, 2008), 101.

<sup>7</sup> Saidi bin Mohd, "Keupayaan Bacaan al-Qur'an di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di Negeri Terengganu," (tesis kedoktoran, Jabatan Al-Qur'an Dan Al-Hadith, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006), i.

### **Teknik *Iqra'***

Teknik *Iqra'* disusun oleh As'ad Humam yang merupakan Pengarah Kumpulan Tadarus Angkatan Muda Masjid dan Musolla Yogyakarta berdasarkan pengalaman beliau mengajar al-Qur'an sejak tahun 1950 dan melalui percubaan serta penyelidikan yang mendalam dalam bidang pengajian al-Qur'an.<sup>8</sup> Teknik *Iqra'* mula diperkenalkan secara beransur-ansur di Malaysia bermula tahun 1992. Hasil keputusan Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam KBSR dan KBSM pada Januari 1994 telah memutuskan bahawa murid-murid Tahun Satu sekolah kebangsaan mesti diberi penekanan pendidikan dengan menggunakan teknik *Iqra'* dalam jangkamasa enam bulan bermula sesi persekolahan 1994/1995.<sup>9</sup> Setelah melalui tempoh percubaan pertama pada tahun 1994 selama lebih kurang enam bulan di beberapa buah sekolah di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia akhirnya telah menetapkan pengajaran tilawah al-Qur'an Tahun Satu di sekolah-sekolah kebangsaan sesi persekolahan 1995 menggunakan teknik ini. Murid Tahun Satu dikehendaki memiliki buku teknik *Iqra'* dan mengikuti kelas kemahiran al-Qur'an sepanjang enam bulan pertama persekolahan.<sup>10</sup>

Teknik ini kemudiannya diteruskan dan dilaksanakan di bawah program j-QAF bermula pada tahun 2005 sehingga sekarang hasil inspirasi mantan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi demi memastikan semua murid yang tamat sekolah rendah bukan setakat boleh menguasai bacaan al-Quran, malahan dapat mengkhatamkan al-Qur'an di peringkat rendah lagi.<sup>11</sup>

Buku *Iqra'* karangan As'ad Humam mengandungi 6 jilid yang mencakupi kesemua sukatan belajar membaca al-Quran. Setiap jilid di dalam buku *Iqra'* disusun secara bertahap.

<sup>8</sup> Mohd Alwi Yusoff et al., "Keberkesanan Iqra' Sebagai Kaedah Pembelajaran Membaca al-Quran" (*Prosiding Isu Semasa Pengajian Quran Dan Sunnah*, Kolej Universiti Islam Malaysia, 2003), 3.

<sup>9</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, "Buku Panduan Pelaksanaan Program Iqra' dan Jawi Enam Bulan Pertama" (Buku panduan yang dikeluarkan oleh Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, 2004), 1.

<sup>10</sup> Mohd Alwi Yusoff et al., "Keberkesanan Iqra' Sebagai Kaedah Pembelajaran Membaca al-Quran," 2.

<sup>11</sup> Mohd. Naim Mat Salleh, "Pencapaian Tilawah al-Qur'an Melalui Program j-QAF Bagi Murid-murid Sekolah Rendah Daerah Setiu, Terengganu," 102.

Dimulakan dengan barisan huruf, perkataan atau ayat sebagai pengenalan, manakala di barisan tengah pula adalah sebagai latihan. Sebagai pengukuhan, ujian atau penilaian disusun di bahagian akhir buku ini. Di antara keistimewaan modul teknik *Iqra'* adalah murid-murid akan membaca secara terus tanpa mengeja terlebih dahulu. Pendekatan bacaan secara *Talaqqi Mushāfahah* diperlakukan. Turut diaplikasi adalah kaedah ‘murid turus’ di mana pelajar yang telah dapat menguasai mana-mana tahap pembelajaran di dalam buku *Iqra'* akan diminta membantu menyemak bacaan pelajar yang lemah.<sup>12</sup> Pendekatan ini secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada pelajar yang sudah mahir bagi membantu pelajar yang lemah dan kurang mahir. Penulisan buku *Iqra'* pula adalah berorientasikan tulisan *Rasm Uthmāni* dan berpandukan Teknik Pengajaran Cara Belajar Murid Aktif (CBMA). Teknik ini secara keseluruhannya amat praktis, sistematik, komunikatif dan sangat fleksibel. Dari segi penilaian, pelajar akan dinilai berdasarkan pencapaian individu yang memungkinkan wujudnya suasana persaingan dan interaksi aktif. Turut diterapkan ilmu Tajwid secara langsung.

### **Teknik *Al-Baghdadi***

Teknik *Al-Baghdadi* merupakan salah satu di antara teknik alternatif membaca al-Qur'an yang kontemporari. Pengasasnya seorang anak Malaysia iaitu Jalaluddin Hassanuddin al-Baghdadi. Beliau dilahirkan pada 15 Januari 1970 di Kampung Berhala Gantang, Pahang. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bahasa Arab dan Pengajian al-Qur'an dari Universiti Saddam, Baghdad, Iraq pada tahun 1998. Berpengalaman menyusun dan mengendalikan program berbentuk kursus dan latihan kepada guru-guru serta ibu bapa di seluruh Negara hampir 10 tahun khususnya di dalam bidang pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an dan bahasa Arab. Juga berpengalaman mengendalikan kursus perguruan teknik *al-Barqy* selama 8 tahun.<sup>13</sup>

---

<sup>12</sup> Salwani binti Hashim (Guru j-QAF SK Segambut, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 5 Januari 2013.

<sup>13</sup> Jalaluddin Hj. Hassanuddin, (Pengasas Teknik Al-Baghdadi, Yayasan Al-Baghdadi, Prima Gombak, Selangor), dalam temubual dengan penulis, 18 Oktober 2012.

Pada Mac 2009, secara rasminya terhasillah satu teknik inovasi membaca al-Qur'an menggunakan 'alat ketuk' yang diasas serta direka sendiri oleh Jalaluddin. Teknik yang dihasilkan diberi nama '*Al-Baghda**dī*'. Menurut beliau, penjenamaan teknik *Al-Baghda**dī* adalah kerana dua sebab.<sup>14</sup> Kini beliau gigih bergerak ke hadapan dalam rangka memperkasakan teknik inovasi ini.

Menariknya, teknik ini menggunakan 'alat ketuk'<sup>15</sup> sebagai alat bantu mengajar utama yang digunakan sepanjang pembelajaran atas teknik *al-Baghda**dī* berpandukan buku *Tamhīd Al-Baghda**dī*. Alat ketuk tersebut dicipta dan direka sendiri oleh pengasas teknik ini. Ianya bertujuan supaya pelajar dapat mendisiplinkan setiap bacaan pelajar dengan memberikan satu intonasi ketukan kepada setiap huruf yang dibaca.<sup>16</sup> Di antara keistimewaan lain teknik *Al-Baghda**dī* adalah suasana pembelajaran yang sangat ceria dan menyeronokkan dapat diwujudkan, memberikan hasil bacaan yang berintonasi yang memiliki disiplin bacaan yang tinggi, memberikan kesan aktiviti latih tubi yang tidak akan menjemu, menggerakkan fungsi otak kiri dan otak kanan secara serentak di dalam proses pembelajaran, mempercepatkan proses pembelajaran al-Qur'an, mampu menarik

---

<sup>14</sup> Sebab pertama bersempena mengambil nama tempat pengajian pendidikan beliau iaitu dari Baghdad manakala sebab kedua adalah kerana beliau ingin mengembalikan semula kegemilangan pengajian ilmu al-Qur'an (yang berasal dari Baghdad menerusi teknik *Baghdadiyyah*) ke kota Baghdad, Jalaluddin Hj. Hassanuddin, (Pengasas Teknik *Al-Baghda**dī*, Yayasan *Al-Baghda**dī*, Prima Gombak, Selangor), dalam temubual dengan penulis, 18 Oktober 2012.

<sup>15</sup> Alat ketuk ini terdiri daripada 'papan ketuk' dan 'kayu ketuk.' Terdapat dua lubang pada alat ketuk tersebut di mana ianya berfungsi sebagai jarak ketukan yang sebenarnya mengisi keperluan tempo bacaan seterusnya mewujudkan pola bacaan mengikut intonasi yang ditanam ke dalam diri pelajar. Ketukan sebaiknya dimulakan dari sebelah kanan ke kiri dan ke kanan semula dan seterusnya. Ketukan yang dilakukan akan berterusan mengikut bilangan huruf yang dibaca. Bagi menghasilkan bacaan yang *tartīl*, pelajar akan dilatih melakukan ketukan menggunakan alat ketuk dengan cara mengangkat kayu ketuk dalam kadar yang tidak terlalu rendah dan tidak terlalu tinggi di antara jarak dua lubang di papan ketuk. Natijahnya, ketukan yang selari dan seragam akan diperolehi di samping intonasi bacaan yang *tartīl* dan sekata dapat dihasilkan.

<sup>16</sup> Jalaluddin Hassanuddin dan Arlinda binti Maik, "Teknik *Al-Baghda**dī* Pencetus Inovasi Pendidikan al-Qur'an" (makalah, Seminar Wahyu Asas Tamadun (SWAT), Universiti Sains Islam Malaysia, 2011), 10.

minat yang mendalam untuk mempelajari al-Qur'an.<sup>17</sup> Teknik ini dapat menjimatkan tempoh pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an kerana buku yang digunakan adalah ringkas dan padat.

### Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk perbandingan yang memberi tumpuan terhadap dua teknik belajar asas membaca al-Qur'an iaitu teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi*. Seramai 30 orang responden dari Sekolah Kebangsaan Segambut, Kuala Lumpur dan 30 orang responden dari Al-Baghdadi Training Centre, Setiawangsa, Kuala Lumpur dipilih secara rawak mudah.

Kajian dijalankan dengan menggunakan set ujian lisan (*shafāwī*) al-Qur'an yang dibina oleh penulis. Set ujian tersebut merangkumi tahap pencapaian yang ingin dikaji dan telah pun mendapat pengesahan pakar dalam bidang al-Qur'an. Kemampuan penguasaan kanak-kanak ini diuji hanya di tahap asas bacaan al-Qur'an sahaja bersesuaian dengan tahap umur sampel kajian serta sukanan pengajian teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi*. Tahap penguasaan yang diuji terbahagi kepada empat bahagian iaitu keupayaan menyebut huruf *Hijā'iyyah* dan tanda baris, membaca perkataan dan ayat al-Qur'an serta menguasai hukum tajwid. Dalam kajian ini, penulis tidak menggunakan kebolehpercayaan instrumen kajian disebabkan penulis hanya menilai keupayaan responden berdasarkan skor markah keseluruhan mereka.

Skala pemarkahan ujian lisan (*shafāwī*) al-Qur'an adalah merujuk kepada Instrumen Penilaian Tilawah Al-Qur'an KBSR yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia 2001 serta adaptasi dari tesis Sarjana Yusman Nasir bertajuk 'Penguasaan Kemahiran Membaca al-Qur'an Menerusi Sistem Qiraati di Taman Qiraati Kawasan Kajang dan Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.'<sup>18</sup> Namun, pengubahsuai dilakukan agar ianya sesuai dengan kehendak ukuran capaian yang ingin dikaji. Skor yang telah diperolehi oleh

<sup>17</sup> Jalaluddin Hassanuddin dan Arlinda Maik, "Teknik Al-Baghdadi Pencetus Inovasi Pendidikan al-Qur'an," 1.

<sup>18</sup> Yusman Nasir, "Penguasaan Kemahiran Membaca al-Qur'an Menerusi Sistem Qiraati di Taman Qiraati Kawasan Kajang dan Bandar Baru Bangi, Selangor" (Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 2005).

responden akan diberikan gred kepada tiga tahap bacaan al-Qur'an seperti berikut:

Jadual 1: Pengkategorian keseluruhan keputusan bacaan al-Qur'an

Gred	Markah	Deskripsi Tahap Pencapaian
A (Baik)	70-100	Boleh membaca dengan fasih, lancar dan berdasarkan hukum tajwid
B (Sederhana)	35-69	Boleh membaca dengan kefasihan dan kelancaran yang sederhana serta tidak mengikut hukum tajwid.
C (Lemah)	1-34	Tidak fasih/lancar membaca dan tidak mengikut hukum tajwid.

Skor markah ujian lisan (*shafāwī*) al-Qur'an diadaptasi dari Yusman Nasir.

Di samping itu, kaedah analisis data bagi rekabentuk kajian berbentuk perbandingan adalah dengan ujian  $-t$ . Justeru, penulis telah menetapkan aras signifikan ujian  $-t$  adalah pada aras keertian  $\alpha = 0.05$ .

### Analisis Keseluruhan Bacaan al-Qur'an Responden

Seramai 60 orang responden telah dipilih dari SK Segambut, Kuala Lumpur ATCKL. Berikut merupakan analisis keseluruhan bacaan al-Qur'an responden teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi* seperti jadual di bawah:

Jadual 2: Prestasi Keseluruhan Tahap Bacaan al-Qur'an Responden

Statistik (n=60)	Teknik <i>Iqra'</i>	Teknik <i>Al-Baghdadi</i>
Min	68.6	77.2
Median	69.5	78
Sisihan Piawai	13.5	10.7
Skor Minimum	24	49
Skor Maksimum	91	96

Merujuk jadual di atas, dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhannya tahap kemampuan asas bacaan al-Qur'an kesemua responden dari ATCKL berada di tahap tinggi dengan skor Min=77.2 dan SD=10.7 berbanding dengan keputusan keseluruhan

responden dari SK Segambut yang memperoleh skor Min=68.6 dengan SD=13.5. Oleh demikian, dapat dirumuskan bahawa tahap bacaan asas al-Qur'an responden teknik *Al-Baghdadi* berada di tahap tinggi manakala tahap bacaan asas al-Qur'an responden teknik *Iqra'* berada di tahap sederhana.

### **Analisis Keseluruhan Perbandingan Bacaan al-Qur'an Berdasarkan Keupayaan Menyebut Huruf *Hijā'iyyah* dan Tanda Baris**

Berikut merupakan analisis keseluruhan perbandingan bacaan al-Qur'an berdasarkan keupayaan menyebut huruf *Hijā'iyyah* dan tanda baris. Analisis komponen yang dinilai pada bahagian ini adalah berdasarkan kepada betul sebutan huruf, betul sebutan tanda baris, betul sebutan makhraj huruf, baca dengan terang dan jelas serta tidak mengulang.

Jadual 3: Pencapaian Keseluruhan Ujian Keupayaan Menyebut Huruf *Hijā'iyyah* dan Tanda Baris

Statistik (n=60)	Teknik <i>Iqra'</i>	Teknik <i>Al-Baghdadi</i>
Min	20.5	21.9
Median	21	22.5
Sisihan Piawai	2.5	2.1
Skor Minimum	13	17
Skor Maksimum	24	25

### **Ujian $-t$ Perbezaan Tahap Keupayaan Menyebut Huruf *Hijā'iyyah* dan Tanda Baris**

Ujian  $-t$  (*Independent Sample Test*) digunakan bagi melihat perbezaan tahap keupayaan responden menyebut huruf *Hijā'iyyah* dan tanda baris seperti di dalam jadual:

Jadual 4: Ujian  $-t$  Perbezaan Tahap Keupayaan Menyebut Huruf *Hijā'iyyah* dan Tanda Baris

Teknik	N	Min	SD	Nilai $-t$	Df	Sig. (2 tailed)
<i>Iqra'</i>	30	20.5	2.5	-2.337	58	0.023
<i>Al-Baghdadi</i>	30	21.9	2.1			

Signifikan pada aras keertian  $p<0.05$

Jadual di atas menunjukkan hasil ujian –t perbandingan tahap keupayaan menyebut huruf *Hijā'iyyah* dan tanda baris di antara responden teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghda**d*i ialah –t = -2.337 dan tahap signifikan p=0.023. Tahap signifikan ini adalah lebih kecil daripada 0.05 (p<0.05). Justeru, hipotesis nul ( $H_0^1$ ) ditolak. Oleh demikian, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap keupayaan menyebut huruf *Hijā'iyyah* dan tanda baris di antara responden teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghda**d*i. Skor Min tahap keupayaan menyebut huruf *Hijā'iyyah* dan tanda baris responden teknik *Al-Baghda**d*i (Min=21.9) adalah lebih tinggi daripada responden teknik *Iqra'* (Min=20.5). Dapatkan ini juga menunjukkan responden yang mempelajari teknik *Al-Baghda**d*i mempunyai tahap keupayaan menyebut huruf *Hijā'iyyah* dan tanda baris yang tinggi berbanding responden yang mempelajari teknik *Iqra'*.

#### **Analisis Keseluruhan Perbandingan Bacaan al-Qur'an Berdasarkan Keupayaan Membaca Perkataan atau Kalimah**

Analisis berikutnya adalah mengenai perbandingan keseluruhan bacaan al-Qur'an responden berdasarkan keupayaan mereka membaca perkataan ataupun kalimah. Ciri-ciri yang dinilai melalui tahap bacaan ini adalah kepada betul sebutan dan betul bacaan, betul sebutan makhray huruf, tidak mengulang serta baca dengan terang dan jelas. Berikut merupakan capaian keseluruhan keupayaan membaca perkataan atau kalimah responden teknik *Iqra'* dan *Al-Baghda**d*i.

Jadual 5: Pencapaian Keseluruhan Ujian Keupayaan Membaca Perkataan atau Kalimah

Statistik (n=60)	Teknik <i>Iqra'</i>	Teknik <i>Al-Baghda</i> <i>d</i> i
Min	17.46	19.76
Median	17.5	19.5
Sisihan Piawai	2.8	2.7
Skor Minimum	10	14
Skor Maksimum	23	25

### **Ujian $-t$ Perbezaan Tahap Keupayaan Membaca Perkataan atau Kalimah**

Berikut merupakan hasil dapatan analisis ujian  $-t$  terhadap perbezaan tahap keupayaan responden teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi* dari sudut membaca perkataan atau kalimah seperti di dalam jadual di bawah:

Jadual 6: Ujian  $-t$  Perbezaan Tahap Keupayaan Membaca Perkataan atau Kalimah

Teknik	N	Min	SD	Nilai $-t$	Df	Sig. (2 tailed)
<i>Iqra'</i>	30	17.46	2.8	-3.174	58	0.002
<i>Al-Baghdadi</i>	30	19.76	2.7			

Signifikan pada aras keertian  $p<0.05$

Jadual 6 menunjukkan hasil ujian  $-t$  bagi perbandingan tahap keupayaan membaca perkataan atau kalimah di antara responden teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* ialah  $-t = -3.174$  dan tahap signifikan  $p=0.002$ . Tahap signifikan ini adalah lebih kecil daripada  $0.05$  ( $p<0.05$ ). Justeru, hipotesis nul ( $H_0^2$ ) ditolak. Oleh demikian, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap keupayaan membaca perkataan atau kalimah di antara kedua-dua kumpulan responden. Skor Min tahap keupayaan membaca perkataan atau kalimah responden teknik *Al-Baghdadi* ( $\text{Min}=19.76$ ) adalah lebih tinggi daripada responden teknik *Iqra'* ( $\text{Min}=17.46$ ). Dapatkan ini juga menunjukkan responden yang mempelajari teknik *Al-Baghdadi* mempunyai tahap keupayaan membaca perkataan atau kalimah yang tinggi berbanding responden yang mempelajari teknik *Iqra'*.

### **Analisis Keseluruhan Perbandingan Bacaan al-Qur'an Berdasarkan Keupayaan Membaca Ayat al-Qur'an**

Analisis seterusnya adalah mengenai perbandingan bacaan al-Qur'an berdasarkan keupayaan responden membaca ayat al-Qur'an. Ciri-ciri yang diambil kira bagi menilai keupayaan tersebut adalah betul sebutan atau bacaan, membaca dengan terang dan jelas, tidak terhenti atau tersangkut serta membaca dengan cermat dan lancar. Jadual di bawah merupakan hasil analisis perbandingan bacaan al-Qur'an responden yang dapat dirumuskan seperti berikut:

**Jadual 7: Pencapaian Keseluruhan Ujian Keupayaan Membaca Ayat al-Qur'an**

Statistik (n=60)	Teknik <i>Iqra'</i>	Teknik <i>Al-Baghdadi</i>
Min	16.46	18.7
Median	17	19
Sisihan Piawai	4.1	3.0
Skor Minimum	0	10
Skor Maksimum	23	24

**Ujian –t Perbezaan Tahap Keupayaan Membaca Ayat al-Qur'an**

Hasil analisis ujian –t berikut menunjukkan perbezaan tahap keupayaan responden dari kedua-dua teknik yang dikaji terhadap keupayaan mereka membaca ayat al-Qur'an seperti di dalam jadual di bawah:

**Jadual 8: Ujian –t Perbezaan Tahap Keupayaan Membaca Ayat al-Qur'an**

Teknik	N	Min	SD	Nilai –t	Df	Sig. (2 tailed)
<i>Iqra'</i>	30	16.46	4.1	-2.374	58	0.021
<i>Al-Baghdadi</i>	30	18.7	3.0			

Signifikan pada aras keertian  $p<0.05$

Jadual 8 menunjukkan hasil ujian –t bagi perbandingan tahap keupayaan membaca ayat al-Qur'an di antara responden teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* ialah  $-t = -2.374$  dan tahap signifikan  $p=0.021$ . Tahap signifikan ini adalah lebih kecil daripada 0.05 ( $p<0.05$ ). Justeru, hipotesis nul ( $H_0^3$ ) ditolak. Oleh demikian, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap keupayaan membaca ayat al-Qur'an di antara kedua-dua kumpulan responden. Skor Min tahap keupayaan membaca ayat al-Qur'an responden teknik *Al-Baghdadi* ( $\text{Min}=18.7$ ) adalah lebih tinggi daripada responden teknik *Iqra'* ( $\text{Min}=16.46$ ). Dapatkan ini juga menunjukkan responden yang mempelajari teknik *Al-Baghdadi* mempunyai tahap keupayaan membaca ayat al-Qur'an yang tinggi berbanding responden yang mempelajari teknik *Iqra'*.

### **Analisis Perbandingan Bacaan al-Qur'an Berdasarkan Keupayaan Membaca dengan Hukum Tajwid**

Analisis ini adalah berkaitan dengan perbandingan bacaan al-Qur'an responden berdasarkan keupayaan mereka membaca dengan hukum tajwid. Ciri-ciri yang dinilai adalah terhadap hukum tajwid yang meliputi hukum Nun sakinah dan tanwin, Nun dan Mim *shiddah*, Mad dan bahagiannya, Qalqalah serta *waqaf* dan *ibtida'*. Berikut disertakan hasil analisis tersebut melalui jadual berikut:

Jadual 9: Pencapaian Keseluruhan Ujian Keupayaan Membaca dengan Hukum Tajwid

Statistik (n=60)	Teknik <i>Iqra'</i>	Teknik <i>Al-Baghdadi</i>
Min	14.16	16.86
Median	15	17
Sisihan Piawai	4.4	3.2
Skor Minimum	0	6
Skor Maksimum	21	22

### **Ujian –t Perbezaan Tahap Keupayaan Membaca dengan Hukum Tajwid**

Ujian –t berikutnya adalah mengenai perbezaan responden dari kedua-dua teknik belajar membaca al-Qur'an terhadap keupayaan mereka membaca ayat al-Qur'an dengan hukum tajwid. Hasil analisis ujian –t tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 10: Ujian –t Perbezaan Tahap Keupayaan Membaca Ayat dengan Hukum Tajwid

Teknik	N	Min	SD	Nilai –t	Df	Sig. (2 tailed)
<i>Iqra'</i>	30	14.16	4.4	-2.661	58	0.010
<i>Al-Baghdadi</i>	30	16.86	3.2			

Signifikan pada aras keertian  $p<0.05$

Jadual di atas menunjukkan hasil ujian –t bagi perbandingan tahap keupayaan membaca ayat al-Qur'an dengan tajwid di antara responden teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* ialah  $-t = -2.661$  dan tahap signifikan  $p=0.010$ . Tahap signifikan ini adalah lebih kecil daripada 0.05 ( $p<0.05$ ). Justeru, hipotesis nul ( $H_0^4$ ) ditolak. Oleh yang demikian, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap

tahap keupayaan membaca ayat al-Qur'an dengan tajwid di antara kedua-dua kumpulan responden. Skor Min tahap keupayaan membaca perkataan atau kalimah responden teknik *Al-Baghda* (Min=16.86) adalah lebih tinggi daripada responden teknik *Iqra'* (Min=14.16). Dapatkan ini juga menunjukkan responden yang mempelajari teknik *Al-Baghda* mempunyai tahap keupayaan membaca ayat al-Qur'an dengan tajwid yang tinggi berbanding responden yang mempelajari teknik *Iqra'*.

### **Analisis Perbezaan di antara Kaedah Bacaan al-Qur'an Teknik *Iqra'* dan *Al-Baghda***

Setelah melakukan analisis terhadap ujian bacaan al-Qur'an, penulis telah menemui beberapa perbezaan yang terdapat di antara kedua-dua teknik tersebut seperti berikut:

#### ***Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran***

Dari sudut kaedah pengajaran dan pembelajaran, kaedah *Al-Baghda* amat sesuai digunakan dalam kelompok pelajar yang ramai. Ini adalah kerana tenaga pengajar akan mudah memantau kesalahan pelajar melalui ketidakseragaman bunyi berhenti ketukan. Oleh demikian, tenaga pengajar akan mampu mengawal keseluruhan kelas pengajian di samping pelajar dapat memberi tumpuan yang tinggi menjadikan kelas pengajian yang berlangsung menyeronokkan dan yang pastinya pelajar akan mempelajarinya tanpa rasa jemu. Waktu pembelajaran juga akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Berbanding dengan teknik *Iqra'*, konsep pengajian secara *Talaqqi Mushāfahah* pada hemat penulis kurang sesuai diaplikasi dalam kelompok pelajar yang ramai dalam satu-satu masa. Ini menyebabkan akan 'ada masa menunggu' di antara seorang pelajar dengan seorang pelajar yang lain. Namun, pengaplikasian 'murid turus' dilihat sebagai sesuatu yang sememangnya baik untuk diaplikasikan dan ianya sebagai nilai tambah kepada pelajar yang sudah mahir bagi membantu pelajar yang lemah dan kurang mahir. Pada hemat penulis juga, kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah sesuatu yang amat penting dan perlu dititikberatkan supaya tahap penguasaan yang maksimum dapat dicapai sekaligus mutu pembelajaran al-Qur'an pelajar dapat ditingkatkan.

### **Bahan Bantu Mengajar**

Terdapat perbezaan dari sudut penyediaan bahan bantu mengajar kedua-dua teknik ini. Sebanyak 5 bahan bantu mengajar yang direka sendiri oleh pengasas teknik *Al-Baghdadi* digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti Buku Aktiviti, Kit Box *Al-Baghdadi* di samping ‘alat ketuk’nya mampu memantapkan lagi penguasaan pelajar terhadap teknik ini.

Manakala bagi teknik *Iqra’* pula, bahan bantu mengajar yang disediakan seperti penggunaan LCD dan Power Point, Kad Imbasan, Qur'an Digital, CD *Iqra’* beserta bahan muat turun *youtube* berupa nasyid animasi Alif Ba Ta hakikatnya sudah cukup untuk membantu pelajar meningkatkan tahap pemahaman mereka terhadap teknik *Iqra’*. Walaubagaimanapun, guru perlu lebih kreatif lagi untuk menarik minat dan tumpuan pelajar dalam sesi pembelajaran yang melibatkan kumpulan pelajar yang ramai.

### **Penulisan Semula Huruf-huruf *Hijā’iyah* dan Perkataan**

Dari sudut latih tubi penulisan semula huruf-huruf *Hijā’iyah* dan perkataan, kedua-dua teknik asas belajar membaca al-Qur'an ini menyediakan latih tubi kepada pelajar-pelajarnya. Sekiranya diperhatikan kepada sukatan KSSR, latih tubi dari sudut penulisan semula huruf-huruf *Hijā’iyah* dan perkataan dimuatkan dalam sukatan pelajarannya bermula dari minggu pertama kelas al-Qur'an pelajar Tahun Satu. Sebagai amalan kebiasaan, guru akan menulis di papan putih kemudian disalin semula oleh murid-murid di dalam buku latihan masing-masing. Guru-guru turut menulis di buku latihan murid-murid kemudian mereka menyalinnya semula di buku masing-masing.<sup>19</sup>

Berlainan dengan penulisan semula huruf-huruf *Hijā’iyah* dan perkataan bagi teknik *Al-Baghdadi*, satu set buku aktiviti *Tamhid Al-Baghdadi* mengandungi 9 jilid yang berasingan disediakan khas untuk pelajar-pelajarnya. Latih tubi secara bertulis ini selalunya diaplikasikan kepada pelajar yang benar-benar lemah dan masih diperingkat atas mempelajari bacaan al-Qur'an.

---

<sup>19</sup> Salwani binti Hashim (Guru j-QAF SK Segambut, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 5 Januari 2013.

### ***Pengulangan Huruf, Perkataan atau Ayat yang dibaca***

Bagi teknik *Iqra'*, pengulangan bacaan terhadap huruf, perkataan serta ayat yang dibaca dari buku *Iqra'* turut dilakukan secara berulang kali. Berpandukan kepada Rancangan Tahunan Pendidikan Islam Tahun Satu Bidang al-Qur'an, latih tubi pengulangan sebutan huruf dan perkataan dilakukan dengan menggunakan kad huruf yang disediakan kemudian murid-murid akan menyebutnya. Latih tubi membaca juga dilaksanakan secara kelas, kumpulan dan individu. Di setiap akhir pembelajaran, guru akan mengingatkan pelajar agar berterusan membuat latih tubi bacaan di rumah dengan dibimbing oleh ibu bapa bagi memantapkan lagi ingatan pelajar terhadap huruf-huruf *Hijā'yyah*, perkataan ataupun ayat yang dipelajari.

Manakala pengulangan semula huruf, perkataan atau ayat yang dibaca dalam kalangan pelajar teknik *Al-Baghdadi* dilakukan dengan cara mengulanginya beratus-ratus kali tanpa merasa jemu dan tanpa disedari oleh mereka. Menurut kebiasaan, latih tubi bacaan yang diamalkan terhadap latihan-latihan di dalam buku *Tamhid Al-Baghdadi* adalah dengan cara membaca perkataan diiringi ketukan secara teratur bermula dari kiri ke kanan dan atas ke bawah. Menurut Muhamad Azuan Khairudin pula, latih tubi bacaan turut dilakukan dengan memaparkan mana-mana perkataan dari halaman latihan buku *Tamhid Al-Baghdadi* di papan skrin kemudian pelajar diminta menyebutnya beramai-ramai sambil mengetuk. Ini bagi memantapkan lagi daya ingatan pelajar tanpa memberi ruang kepada mereka 'menghafal' setiap perkataan.

### ***Peruntukan Bilangan Jam Belajar***

Jumlah peruntukan bilangan jam murid-murid Tahun Dua hingga Tahun Enam SK Segambut, KL mempelajari kelas Modul Al-Qur'an (termasuk kelas tasmik) adalah sebanyak 1 jam 30 minit (90 minit) seminggu sehingga 38 minggu sepanjang satu tahun pengajian mereka. Bagi murid Tahun Satu pula, jumlah jam belajar Modul Al-Qur'an adalah sebanyak 2 jam (120 minit) seminggu.

Bagi pelajar teknik *Al-Baghdadi* pula, kelas pengajian yang disediakan di ATCKL adalah selama 2 jam setiap kali pertemuan dalam 3 kali seminggu. Ini bermakna, jumlah keseluruhan pelajar mempelajari teknik *Al-Baghdadi* adalah selama 6 jam seminggu.

Disebabkan tempoh pertemuan dalam seminggu adalah lama, tidak hairanlah sekiranya pelajar yang mempelajari teknik *Al-Baghdadi* mampu menghabiskan sukatan keseluruhan buku Tamhid Al-Baghdadi sekaligus menguasainya hanya dalam tempoh masa 2 hingga 3 bulan sahaja.

### Cadangan

Berdasarkan kepada dapatan kajian, penulis ingin menyarankan beberapa cadangan dan pandangan yang dirasakan perlu demi kebaikan masa depan pendidikan al-Qur'an di Malaysia terutama dalam kalangan kanak-kanak. Antaranya adalah mengaplikasikan teknik *Al-Baghdadi* kepada kumpulan-kumpulan pelajar yang lemah dalam matapelajaran al-Qur'an di semua sekolah rendah seluruh negara sebagai satu usaha ke arah penambahbaikan. Sebaiknya bengkel-bengkel pemantapan bacaan al-Qur'an dianjurkan pada musim cuti sekolah sebagai pengisian bermanfaat serta dapat memahirkan mereka untuk pandai membaca al-Qur'an.

Ibu bapa juga perlu memainkan peranan yang besar untuk membimbing anak-anak mereka supaya pandai membaca al-Qur'an. Mereka tidak seharusnya meletakkan tanggungjawab mengajar al-Qur'an di bahu guru-guru sekolah sahaja. Pemantauan ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak mereka membaca al-Qur'an di rumah juga perlu agar ilmu bacaan al-Qur'an yang diterima oleh anak-anak mereka dapat dimahirkan lagi. Sekalipun ibu bapa tidak mempunyai ruang masa untuk berbuat demikian, pilihan alternatif di pusat-pusat pengajian al-Qur'an yang tumbuh bagi cendawan di luar sana tersedia untuk menerima anak-anak mereka mempelajari bacaan al-Qur'an dengan baik. Dengan kerjasama yang diberikan dari pihak ibu bapa diharap akan dapat membantu mengurangkan peratusan pelajar-pelajar yang lemah dan buta al-Qur'an.

Peranan guru-guru al-Qur'an khususnya dalam usaha mendidik anak-anak supaya pandai membaca al-Qur'an sememangnya suatu usaha yang amat murni. Justeru, sebagai satu saranan ke arah penambahbaikan, guru-guru al-Qur'an seharusnya lebih kreatif menarik lagi minat kanak-kanak untuk terus pandai membaca al-Qur'an dengan menggunakan medium terkini yang mampu menjadikan kelas pengajian al-Qur'an lebih ceria dan menyeronokkan. Ini kerana kemampuan kanak-kanak menguasai

al-Qur'an juga turut bergantung kepada cara dan bagaimana guru-guru mengajar.

## **Penutup**

Secara keseluruhannya, metodologi pembelajaran al-Qur'an yang disusun oleh pengasas teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi* ini sudah pastinya mempunyai objektif yang tersendiri sehingga mampu menterjemahkan setiap inci keistimewaan dan kelebihan terhadap teknik yang diasaskan sekaligus mendatangkan manfaat yang besar buat mereka yang memilih untuk mempelajarinya. Walau bagaimanapun, usaha yang jitu dari pelbagai pihak amat perlu bagi memastikan generasi hari ini mampu menguasai ilmu bacaan al-Qur'an sekaligus memartabatkan lagi keagungan dan kegemilangan al-Qur'an seperti mana yang telah berlaku dalam lipatan sejarah dunia Islam di zaman silam.

## **Bibliografi**

- Azarudin Awang, Azman Che Mat, Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub. "Tahap Pembacaan al-Qur'an dalam Kalangan Pelajar di UiTM Terengganu," *Asean Journal of Teaching & Learning in Higher Education* 3, no. 3 (2011).
- Jalaluddin Hj. Hassanuddin dan Arlinda Maik. "Teknik Al-Baghdadi Pencetus Inovasi Pendidikan al-Qur'an." Kertas Kerja Seminar Wahyu Asas Tamadun (SWAT), Universiti Sains Islam Malaysia, 2011.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. *Buku Panduan Pelaksanaan Program Iqra' dan Jawi Enam Bulan Pertama*. Buku panduan yang dikeluarkan oleh Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, 2004.
- Mohamad Sabri bin Satar. "Keberkesanan Kaedah Hattawiyyah dalam Pembelajaran Tilawah al-Qur'an." Projek Penyelidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.
- Mohd Aderi Che Noh. "Hubungan Antara Amalan Pengajaran Guru dan Pencapaian Tilawah al-Qur'an Pelajar Tingkatan Dua di Malaysia." Tesis kedoktoran, Universiti Putra Malaysia, 2008.
- Mohd Alwi Yusoff et al.. "Keberkesanan Iqra' Sebagai Kaedah Pembelajaran Membaca al-Qur'an." Prosiding Isu Semasa

- Pengajian Quran Dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Malaysia, 2003.
- Mohd. Naim Mat Salleh. “Pencapaian Tilawah al-Qur’an Melalui Program j-QAF Bagi Murid-murid Sekolah Rendah Daerah Setiu, Terengganu.” Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Perguruan Kuala Terengganu, Terengganu. 2008.
- Saidi Mohd. “Keupayaan Bacaan al-Qur’ān di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di Negeri Terengganu.” Tesis kedoktoran, Jabatan al-Qur’ān Dan al-Hadith, Universiti Malaya. 2006.
- Yusman Nasir. “Penguasaan Kemahiran Membaca al-Qur’ān Menerusi Sistem Qiraati di Taman Qiraati Kawasan Kajang dan Bandar Baru Bangi, Selangor.” Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.

